

TARIKH	15 / 07 / 2015	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	22	RUANGAN	

## Tabung Haji bina rumah Wan Umi Kalsom

**PASIR MAS 14 Julai** - Sepasang suami isteri bersama tiga anak mereka dari Kampung Jabor Tengah, Chetok bakal menyambut hari lebaran dengan kegembiraan apabila impian mereka untuk memiliki sebuah rumah baharu akan tercapai tidak lama lagi.

Impian Wan Umi Kaslom @ Umi Kalsom Rozi, 40, dan suaminya, Zailan Deraman, 43, itu akan direalisasikan oleh pihak Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang bersetuju untuk membina rumah baharu kepada pasangan berkenaan.

Wan Umi Kalsom berkata, dia sama sekali tidak menyangka kunjungan Pengerusi Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas, Datuk Hanafi Mamat ke rumahnya di sini kelmarin membawa khabar gembira tersebut.

"Alhamdulillah, saya rasa macam bermimpi sahaja dan ini adalah rezeki Ramadan yang paling bermakna buat kami sekeluarga," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Umi Kalsom memberitahu, sudah lebih 15 tahun, dia dan suami



WAN UMI KALSIOM @ UMI KALSOM ROZI bersama tiga anaknya di hadapan rumah barunya di Kampung Jabor Tengah, Chetok, Pasir Mas, Kelantan, baru-baru ini.

### Lima beranak hidup daif

oleh YATIMAH ABDULLAH

dan suami serta tiga anaknya terpaksa bersukur serta terbuka dengan keadaan mereka kerana tidak seperti

malah sejak awal

pada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Wan Umi Kalsom mementahkan, bagi memastikan makanan mereka

menyembah bumi.

**KERATAN *Utusan Malaysia* 1 Julai 2015.**

serta tiga anaknya tinggal di rumah usang yang hanya memiliki sebuah bilik sahaja.

Katanya, rumah tersebut bukan sahaja sempit, malah bumbung bocor, manakala lantainya juga sudah rapuh dan menunggu masa untuk

menyembah bumi.

*Utusan Malaysia* pada 1 Julai lalu melaporkan, sepasang suami isteri bersama tiga anak mereka terpaksa menyambut kedatangan Ramadan dalam serba kekurangan akibat dibelenggu kemiskinan.